

06 JUL 1998  
Ismail-Obituari  
TUN ISMAIL DALAM KENANGAN

KUALA LUMPUR, 6 Julai (Bernama) -- Generasi rakyat Malaysia mengenali namanya berdasarkan tandatangan beliau yang tertera pada setiap helai wang kertas Malaysia.

Tun Ismail Mohamed Ali yang meninggal dunia hari ini sentiasa akan dikenang dan dihormati kerana khidmat cemerlangnya kepada negara dan sektor perbankan.

Nama Tun Ismail begitu sinonim dengan Bank Negara. Apa tidaknya, beliau menjadi Gabenor bank pusat itu selama 18 tahun dari 1962 dan tandatangannya tertera pada setiap wang kertas Malaysia yang dikeluarkan dalam tempoh berkenaan.

Sebelum menyandang jawatan itu, Ismail ialah pengarah eksekutif dalam Bank Dunia dan badan-badan gabungannya. Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri pertama kemudian memanggilnya pulang dari Amerika Syarikat kerana mahukan beliau mengetuai Bank Negara.

Perkhidmatannya dengan Bank Negara bermula ketika sistem kewangan negara dikuasai oleh bank-bank asing yang cuma berminat dalam pembiayaan perdagangan antarabangsa.

Ismail kemudian mengubah senario sistem kewangan negara yang tertumpu kepada sektor perniagaan dan memperbaiki khidmat bank-bank tempatan.

Di bawah pengawasannya, bank-bank tempatan memainkan peranan penting dalam sistem kewangan negara dan menguasai senario dengan mempunyai cawangan di seluruh negara termasuk di kawasan luar bandar.

Menggunakan khidmat bank tidak lagi menjadi keistimewaan eksklusif golongan berada.

Menurut Tun Ismail, "peranan Bank Negara ialah memastikan golongan kurang bertada, petani, peniaga kecil, ahli perniagaan dan individu berpeluang menikmati kredit yang ditawarkan oleh bank mengikut syarat-syarat yang berpatutan.

Tun Ismail bukan sahaja hormati kerana kejayaan itu. Beliau juga dihormati kerana mengamalkan disiplin yang ketat dan mempunyai reputasi sebagai seorang yang mempunyai ketajaman fikiran dan suka berterus-terang.

Perwatakan Tun Ismail hanya dapat diketahuinya melalui temuramah yang hakikatnya jarang diadakan dengan tokoh itu sendiri dan mereka yang pernah berkhidmat dengannya.

Seorang wartawan majalah bisnes mengingatkan bagaimana beliau bersemuka dengan Tun Ismail apabila mengadakan temuramah dengan beliau. Tetapi Tun Ismail enggan gambarnya diambil dan memberitahunya, "Saya mempunyai banyak urusan."

Peristiwa itu berlaku pada 1992 apabila beliau menjadi pengerusi Permodalan Nasional Berhad (PNB), satu daripada beberapa jawatan dalam sektor korporat yang dipegangnya selepas menggantikan Tun Tan Siew Sin sebagai pengerusi Sime Darby Berhad.

Setiausaha Tun Ismail, May Wong yang mengenali perwatakan ketuanya kerana telah lama berkhidmat dengannya berkata. "Tun mungkin kelihatan tegas, tetapi hakikatnya, beliau seorang yang baik hati."

Dalam satu lagi temuramah pada 1986, ketika negara menghadapi kemelesetan, Tun Ismail berkata, kalaulah negara meningkatkan tabungan semasa mewah, sudah tentu kita berada dalam keadaan lebih baik untuk menangani kemelesetan sekarang."

Dalam temuramah yang sama, beliau menekankan tentang pentingnya sikap tanggungjawab dan kebertanggungjawapan terutama mereka yang diamanahkan

menguruskan dana awam.

Tun Ismail mungkin terkilau kerana tidak dapat memujuk kedua-dua anak lelakinya menyertai perkhidmat kerajaan sedangkan beliau sendiri menyumbangkan khidmat selama 40 kepada negara.

Tun sering disifatkan sebagai seorang yang benar-benar jujur. Beliau tidak pernah menggunakan kedudukannya untuk kepentingan peribadi dan beliau tidak akan menggunakan kereta rasminya kecuali untuk tugas rasmi.

Pernah apabila beliau mendapat tahu bahawa firma arkitek yang terbabit dalam pembinaan ibu pejabat Bank Negara telah mengambil seorang daripada anggota keluarganya, beliau memberitahu firma berkenaan bahawa jangan harap akan mendapat lagi layanan istimewa dari bank berkenaan.

Tun Ismail yang dilahirkan di pelabuhan Klang pada 1918 berasal dari keluarga ternama mengandungi tujuh lelaki dan tiga perempuan termasuk Datin Seri Dr Siti Hasmah, isteri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bekas Menteri Besar Selangor Tan Sri Ahmad Razali Mohd Ali dan bekas Panglima Angkatan Tentera Jen (B) Tan Sri Hashim Mohd Ali.

Selepas mendapat pendidikan awal di Sekolah Lelaki Batu Road dan Victoria Institution di Kuala Lumpur, beliau menamatkan penajian tinggi United Kingdom dengan memperolehi ijazah dalam jurusan ekonomi dari University of Cambridge pada 1941.

Beliau diterima masuk sebagai peguam di England pada 1943 dan diterima sebagai peguam Middle Temple, Inns of Court, London.

Sekembalinya ke tanah air pada 1946, Tun Ismail berkhidmat dengan Malayan Civil Service sebagai penolong pemungut hasil tanah di pejabat daerah Kuala Lumpur.

Selepas berkhidmat di peringkat negeri dan persekutuan, beliau berkhidmat pula di Kedutaan Persekutuan Tanah Melayu di Washington pada 1957 sebelum berkhidmat dengan Bank Dunia.

Semasa berkhidmat dengan Bank Negara, beliau diminta oleh Dr Mahathir untuk menggubal satu skim untuk Bumiputera menyertai pemilikan sektor korporat selaras dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Selepas itu, lahirlah skim Amanah Saham Nasional (ASN) yang diuruskan oleh PNB. Sekarang, berjuta-juta masyarakat Bumiputera telah melabur dan mendapat faedah daripada skim itu.

Kegemaran Tun Ismail semasa masa lapang antaranya ialah mendengar muzik klasik, bermain golf dan renang. Beliau juga gemar mengumpul buku.

Jika hayatnya masih ada, maka umur Tun Ismail akan genap 80 tahun pada 16 September.

Beliau dimasukkan ke Hospital Pakar Ampang Puteri di sini kerana selsema pada 22 Jun dan meninggal dunia kerana pecahan aneurisme disebabkan komplikasi.

-- BERNAMA

ES TCL FAZ